

1.0. PENGENALAN

PERUSAHAAN TERNAKAN CACING DAN BAJA ORGANIK PULAU CAREY ENTERPRISE (Syarikat) akan ditubuhkan secara rasminya pada bulan Febuari 2009 dan merupakan syarikat milik tunggal. Syarikat ini akan beroperasi di Kampong Melayu, Pulau Carey, Banting, Selangor. Aktiviti perniagaan syarikat ini ialah penternakan cacing dan penghasilan baja organik.

Penternakan cacing adalah satu industri dalam bidang pertanian di Malaysia. Cacing merupakan agen pengeluar baja organik yang bermutu tinggi yang dapat menambah hasil tanaman dan membantu dalam memperbaiki struktur tanah. Penternakan cacing mula diperkenalkan di Malaysia pada sekitar awal tahun 2000. Keistimewaan projek ini selain mengeluarkan baja organik, cacing itu sendiri adalah sumber protein yang tinggi yang boleh digunakan sebagai bahan untuk makanan ternakan malahan ianya juga boleh digunakan dalam bidang perubatan dan kosmetik.

Pengusaha telah menyertai program Skim Latihan Galakan Perniagaan (SLGP) Tahun 2008 anjuran bersama Kementerian Pembangunan Usahawan/Koperasi (MECD) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA). Semasa dalam program tersebut pengusaha telah menjalani Latihan Sambil Kerja (LSK) selama tempoh lebih kurang 6 minggu di Syarikat Parkman Agro Resources iaitu antara syarikat terawal mengusahakan ternakan cacing dan penghasilan baja organik di Malaysia. Setelah mengikuti SLGP dan LSK tersebut pengusaha mempunyai keyakinan untuk membuka perusahaan ini.

Selaras dengan Dasar Kerajaan yang ingin memajukan dalam bidang pertanian bagi menambahkan sumber makanan Negara dan yang bebas dari bahan kimia, perusahaan ini ditaksirkan mempunyai potensi yang baik dan permintaan yang luas serta berdaya maju di masa akan datang.

2.0. TUJUAN

- 2.1. Tujuan Kertas Kerja Rancangan Perniagaan ini adalah untuk membentangkan perancangan syarikat ini yang meliputi Aspek Pengurusan, Perkhidmatan dan Kewangan syarikat dan seterusnya memohon pembiayaan berjumlah RM50,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu Saja).
- 2.2. Tempoh bayaran balik pembiayaan adalah selama 5 tahun dan syarikat memohon tempoh bernafas selama 6 bulan. Kos pelaburan projek adalah berjumlah RM87,000.00 iaitu modal sendiri RM37,000.00 dan pinjaman RM50,000.00.
- 2.3. Pinjaman dan modal sendiri akan digunakan untuk memulakan operasi syarikat ini seperti dalam Anggaran Penyata Aliran Wang Tunai, Penyata Untung Rugi dan Penyata Kunci Kira-Kira syarikat ini yang di lampirkan.

3.0. LATAR BELAKANG SYARIKAT

- 3.1. Nama Syarikat: Perusahaan Ternakan Cacing dan Baja Organik Pulau Carey Enterprise.
- 3.2. Alamat Syarikat: Kampong Melayu, Pulau Carey, Banting, Selangor.
- 3.3. No. Telefon: 019-2315028
- 3.4. No. Daftar Perniagaan: Belum Daftar
- 3.5. Tarikh Pendaftaran: Belum Daftar
- 3.6. Bentuk Perniagaan: Milikan Tunggal
- 3.7. Aktiviti Perniagaan: Produk Baja Organik dan Cacing
- 3.8. Lesen-Lesen: Belum Daftar
- 3.9. Modal Permulaan: RM37,000.00
- 3.10. Nama Bank: CIMB, Teluk Panglima Garang, Banting.
- 3.11. No. Akaun Bank: Belum Buka Akaun

4.0. LATARBELAKANG PEMILIK

- 4.1. Nama Pemilik: Jais Bin Bugal
- 4.2. No. K/P: 590215-01-6193
- 4.3. Tarikh Lahir: 15hb Feb 1959
- 4.4. Umur: 49 Tahun
- 4.5. Jantina: Lelaki
- 4.6. Alamat Tetap: PLOT 10A PM1015 LOT 3914
Teluk Panglima Garang, 42500 Banting.
- 4.7. No. Telefon: 019-2315029 (GMail@jaisbb)
- 4.8. Status Perkahwinan: Berkahwin
- 4.9. Kelulusan Akademik: STPM, MCE 3
- 4.10. Pengalaman: 1977-1979: Tamat Persekolahan bekerja
Sambil di sektor Perladangan di
Malaysia dan Pembinaan di Singapura.

1979 – 2009: Berkhidmat dalam PDRM dari
jawatan Konstabal, Koperal, Sarjan,
Inspektor dan Cif Inspektor.
- 4.11. Kemahiran: Serba sedikit Proses Perundangan,
Pertukangan Kayu/Simen, Pertanian,
Nelayan dan Berniaga kecil-kecilan.
- 4.12. Kursus dihadiri: Kursus SLGP Tahun 2008
- 4.13. Pekerjaan sekarang: Bekerja Sendiri dan Berniaga.
- 4.14. Perniagaan lain diceburi: Nelayan Laut Dalam dan Pantai.

5.0. SKOP PERNIAGAAN

- 5.1. Aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh syarikat ini ialah menjual baja organik dan cacing.
- 5.2. Produk syarikat yang dihasil daripada aktiviti perusahaan yang dijalankan adalah seperti berikut:-

5.2.1. BAJA ORGANIK

Baja organik dihasilkan pada hari ke 8 dan seterusnya hari ke 8 yang berikutnya. Harga pasaran baja organik yang telah dikeringkan ini ialah RM12.00 bagi satu kilogram. Syarikat menjual baja organik ini dengan harga hanya RM2.00 bagi satu kilogram untuk jualan borong dan RM3.00 satu kilogram bagi jualan runcit.

5.2.2. CACING

Dalam tempoh 6 bulan memproses baja organik dengan menggunakan cacing sebanyak 100kg, cacing akan sama membiak dan dianggarkan bertambah sebanyak 500kg. Oleh itu, induk cacing yang lebih akan dijual kepada penternak baru. Harga pasaran ialah RM450.00 bagi 1 kilogram. Walau bagaimana pun syarikat menjual induk cacing tersebut dengan harga hanya antara RM100.00 ke RM450.00 satu kilogram mengikut harga terendah iaitu harga sistem 'farming' dan kepada penternak baru mengikut harga pasaran semasa mengikut permintaan.

5.3. POTENSI PASARAN

- 5.3.1 Perkataan ‘organik’ pada masa sekarang semakin dikenali umum dan ramai mengetahui akan kebaikannya kepada kehidupan dan kesihatan. Banyak hasil makanan dan produk kini dikeluarkan dengan cara organik. Sehubungan dengan itu pengeluaran baja organik dengan cara semulajadi iaitu yang dicerna oleh cacing akan menghasilkan baja organik yang bermutu, tulin dan bersih.
- 5.3.2 Setiap tanaman untuk kegunaan manusia memerlukan baja bagi menambahkan hasil keluaran. Penggunaan baja kimia bukan jalan penyelesaiannya kerana dalam jangka masa panjang ia akan menyebabkan tanah menjadi tidak subur, gersang dan masam. Keadaan tanah tersebut menjadikan hasil tuaiannya kurang, tidak produktif dan mempunyai risiko sampingan kepada kesihatan. Penyakit. Oleh itu penggunaan baja organik adalah jalan pilihan bagi mengatasi masalah tersebut kerana ia bersih dan bebas dari unsur yang tidak halal. Selain itu ia boleh menambahkan hasil tuaian yang bebas dari bahan kimia dan ia juga merawat tanah dalam jangka masa panjang bagi mengekalkan kesuburan tanah.
- 5.3.3. Selain pengeluaran baja organik perusahaan ini juga mengeluarkan sumber protein iaitu cacing. Produk cacing ini boleh digunakan untuk makanan ternakan, kosmetik dan perubatan.
- 5.3.4. Pembinaan kilang memproses baja organik dan memproses produk cacing masih belum wujud di Malaysia. Ini kerana penternakan cacing masih baru di negara ini dan belum mencukupi bagi membekalkan baja organik mentah dan cacing untuk proses di kilang. Insyallah dengan promosi yang berterusan usahawan baru akan terus bertambah dan pembinaan kilang tersebut akan terlaksana.

5.3.5. Perusahaan ini berpotensi berdaya maju dan berdaya tahan di masa hadapan. Ini kerana pertambahan jumlah penduduk Negara maka akan bertambahlah jumlah permintaan makanan dan yang berhubungkait dengannya

5.3.6. Pada masa kini kerajaan membelanjakan lebih daripada RM1 Billion untuk mengimport baja kimia dari luar negara dan kos tersebut akan terus meningkat dari masa ke masa dengan kenaikan harga bahan tersebut. Pada tahun 2010 dasar kerajaan akan mengurangkan import baja kimia dari luar Negara. Sekiranya perusahaan ini dapat memenuhi 10% daripada pengurangan import tersebut yang bernilai lebih kurang RM10 juta, maka situasi ini akan menyokong lagi untuk memaju dan menambahkan permintaan keatas baja organik. Umpama rangkaian perkataan berikut:

“KEHIDUPAN MEMERLUKAN MAKANAN,
MAKANAN MEMERLUKAN TANAMAN DAN
TANAMAN MEMERLUKAN BAJA ORGANIK”


5.4. Tidak ada permasalahan yang serius yang mungkin dihadapi mengenai perusahaan ini.

6.0. ASPEK PENGURUSAN

6.1. PENGENALAN ORGANISASI

Lokasi operasi syarikat ialah di alamat Kg Melayu, Pulau Carey, Banting, Selangor yang menempatkan pejabat, setor dan rumah cacing. Terletak di atas tanah berkeluasan 1 ekar dengan sewa RM600.00 setahun dan mempunyai kemudahan jalanraya, bekalan letrik dan air.

6.2. CARTA ORGANISASI



6.3. SENARAI JAWATAN, TUGAS DAN GAJI

Bil	Jawatan	Gaji	Tugasan
1.	Pengurus	RM2,300.00	Memastikan Perusahaan berjalan lancar dan Menyelia pekerja
2.	Pekerja 1 dan 2	RM 600.00	Menjaga dan memastikan cacing di semua kotak dalam kandang hidup dan dalam keadaan baik setiap masa. Memproses makanan cacing dan mencukupi setiap masa. Menuai dan memproses baja mengikut jadual. Menuai cacing mengikut jadual. Menjaga kebersihan sekitar dan lain-lain tugas yang berhubungkait dengan perusahaan.

6.4. PERALATAN PEJABAT

Bil	Perkara	Unit	Harga
1.	Kerusi/Meja	2	RM600.00
2.	Kabinet Besi	1	RM300.00
3.	Kerusi Pelawat	10	RM300.00
		Jumlah	RM1,200.00

6.5. PERBELANJAAN PENTADBIRAN

Bil	Perkara	Jumlah
1.	Elaun Pengurus	RM2,300.00
2.	Gaji	RM1,200.00
3.	Pengangkutan	RM1,000.00
4.	Utiliti	RM200.00
	Jumlah	RM3,900.00

7.0. ASPEK OPERASI LADANG

7.1. PROSES OPERASI

Proses permulaan ialah meratakan tapak tanah, menyimen lantai dan membina rumah cacing berukuran 12 kaki X 60 kaki dan tinggi 10 kaki. Di dalamnya dibuat sebanyak 100 kotak cacing berukuran 4 kaki X 2 kaki dan tinggi 5 inci tersusun 3 baris dalam 3 tingkat di bahagian kanan dan kiri serta bahagian tengah. Membina ruang pejabat berukuran 12 kaki X 20 kaki, setor baja berukuran 12 kaki X 20 kaki dan setor dan tempat memproses makanan cacing berukuran 12 kaki X 20 kaki.



(Contoh: Lanskap Di hadapan Rumah Cacing)



(Contoh: Rumah Cacing berukuran 12kaki x 60kaki)



(Contoh: Rak 4 Tingkat Kotak Cacing Di Dalam Rumah Cacing)



(Contoh: Rak 3 Tingkat Kotak Cacing Di Dalam Rumah Cacing)



(Contoh: Setor Baja dan Rak 3 Tingkat Kotak Cacing)




(Contoh: Setor Dan Tempat Memproses Makanan Cacing)

7.2. CARTA ALIRAN PROSES

Carta Aliran Proses dan Jadual perusahaan ini adalah meliputi Carta Aliran Proses Perusahaan Secara Keseluruhan, Jadual Pengambilan Baja Organik dan Tambahan Makanan Secara Keseluruhan, Jadual Keperluan Makanan Cacing serta Kos dan Jadual Tuaian Produk iaitu Baja Organik dan Cacing serta Pendapatan adalah seperti berikut:-

7.2.1 CARTA KESELURUHAN ALIRAN PROSES PERUSAHAAN



7.2.2. JADUAL PENUAIAN BAJA DAN MENAMBAH MAKANAN CACING SECARA KESELURUHAN

MASA	PERKARA	MULA	MG 1	MG 2	MG 3	MG 4	JUMLAH BAJA	JUMLAH MAKAN
BLN 1	Baja dituai	-	350	350	350	350	1,400	-
	Tambah Makanan	700	350	350	350	1,050	-	2,800
BLN 2	Baja dituai	-	700	700	700	700	2,800	-
	Tambah Makanan	-	700	700	700	1,400	-	3,500
BLN 3	Baja dituai	-	1,050	1,050	1,050	1,050	4,200	-
	Tambah Makanan	-	1,050	1,050	1,050	1,750	-	4,900
BLN 4	Baja dituai	-	1,400	1,400	1,400	1,400	5,600	-
	Tambah Makanan	-	1,400	1,400	1,400	2,100	-	6,300
BLN 5	Baja dituai	-	1,750	1,750	1,750	1,750	7,000	-
	Tambah Makanan	-	1,750	1,750	1,750	2,450	-	7,700
BLN 6	Baja dituai	-	2,100	2,100	2,100	4,200	10,500	-
	Tambah Makanan	-	2,100	2,100	2,100	-	-	6,300
JUM							31,500KG	31,500KG

7.2.3. JADUAL KEPERLUAN MAKANAN CACING DAN KOS

Makanan Cacing ialah campuran lebih kurang 70% Unsur Karbon seperti Hampas Sagu, habuk Sabut Kelapa, Habuk Kayu dan Jerami Padi yang telah reput dengan lebih kurang 30 % Unsur Nitrogen iaitu antaranya tahi kambing, tahi lembu, dan tahi kuda. Jadual Makanan Cacing dan Kos bagi ternakan 100kg cacing untuk satu pusingan dalam tempoh 6 bulan adalah seperti berikut.

Bil	Tempoh	Hampas Sagu 1Kg RM0.50	Tahi Kambing 1Kg RM0.20	Jumlah Berat/ Harga
1.	Bln 1	1,960kg	840kg	2,800kg
		RM980.00	RM168.00	RM1,148.00
2.	Bln 2	2,450kg	1,050kg	3,500kg
		RM1,225.00	RM210.00	RM1,435.00
3.	Bln 3	3,430kg	1,470kg	4,900kg
		RM1,715.00	RM294.00	RM2,009.00
4.	Bln 4	4,410kg	1,890kg	6,300kg
		RM2,205.00	RM378.00	RM2,583.00
5.	Bln 5	5,390kg	2,310kg	7,700kg
		RM2,695.00	RM462.00	RM3,157.00
6.	Bln 6	4,410kg	1,890kg	6,300kg
		RM2,205.00	RM378.00	RM2,583.00
Jumlah		22,050kg	9,450kg	31,500kg
		RM11,025.00	RM1,890.00	RM12,915.00

7.2.3. JADUAL TUAIAN PRODUK DAN PENDAPATAN

Bil	Tempoh	Baja Organik (kg)	Cacing (kg)	Anggaran Jualan (RM)
1.	Bln 1 (350 x 4)	1,400 kg	-	RM2,800.00
2.	Bln 2 (700 x 4)	2,800 kg	-	RM5,600.00
3.	Bln 3 (1,050x4)	4,200 kg	-	RM8,400.00
4.	Bln 4 (1,400x4)	5,600 kg	-	RM11,200.00
5.	Bln 5 (1,750x4)	7,000 kg	-	RM14,000.00
6.	Bln 6 (2,100x5)	10,500kg	500 kg	RM21,000.00 RM50,000.00
JUMLAH		31,500kg	500 kg	RM113,000.00

7.3. LOKASI KANDANG

Lokasi Kandang adalah di atas tanah milik sendiri beralamat di Jalan Pusara, Kampong Melayu, Pulau Carey, Banting, Selangor. Perternakan cacing dan baja organik tidak mendatangkan bau busuk dan lalat. Oleh itu lokasi rumah cacing sesuai dan boleh didirikan di mana sahaja walaupun di kawasan penduduk.

7.4. KAEDAH PENGURUSAN TERNAKAN

Kaedah pengurusan ternakan dibuat dalam 2 cara iaitu secara persendirian dan secara sistem 'farming'. Setelah semua prasarana siap seperti rumah, kotak cacing, makanan cacing, setor baja/stok makanan cacing, pejabat dan pekerja maka pembelian induk cacing sebanyak 100 kg akan dibuat dan bermulalah proses ternakan cacing dan penghasilan baja organik seperti berikut:-

7.4.1. KEPERLUAN ASAS TERNAKAN

Keperluan asas ternakan ialah rumah cacing, kotak cacing, makanan cacing, siraman air, lampu dan pemerhatian harian bagi menentukan tidak ada aktiviti musuh cacing seperti semut, tikus dan burung.

7.4.2. PERLAKSANAAN PENGURUSAN TERPERINCI

7.4.2.1. PENYEDIAAN KAWASAN

Tapak tanah yang hendak dibuat kandang cacing hendaklah bebas daripada banjir. Perternakan cacing tidak mendatangkan bau busuk dan lalat. Oleh itu ia sesuai didirikan dimana sahaja walaupun di kawasan penduduk.

7.4.2.2. PRASARANA DAN PEMBANGUNAN

Kemudahan asas yang diperlukan hanyalah jalanraya, bekalan letrik, bekalan air dan air telaga. Kos pembangunan hanyalah mendirikan kandang cacing, pejabat, setor baja organik dan setor makanan cacing.

7.4.2.3. PENYEDIAAN BENIH

Sebanyak 100 kg induk cacing akan dibeli dengan harga RM450.00 setiap 1 kg dari Parkman Agro Resources di mana tempat menjalankan Latihan Sambil Kerja (LSK). Spesifikasi benih berumur antara 4 – 6 bulan yang mana usia ini amat produktif pembiakannya.

7.4.2.4. PROSES DI LADANG DAN SISTEM TERNAK

Setiap kotak cacing yang mengandungi 7kg makanan cacing dan telah memenuhi kriteria seperti kelembapan 15-30%, Suhu 15-25 darjah celsius dan PH 6-7.2 akan dicuba terlebih dahulu dengan meletakkan 3-4 ekor cacing. Apabila cacing tersebut masuk ke dalam makanan, maka menandakan ia adalah sesuai. Seterusnya sebanyak 1 kg cacing induk dimasukkan kedalam kesemua 100 kotak. Tugas pekerja seterusnya membuat pemeriksaan harian ke atas semua kotak bagi memastikan cacing hidup dalam keadaan baik dan mengesan musuh cacing seperti tikus, semut dan burung.

7.4.2.5. PEMBAJAAN DAN PEMAKANAN

Sehingga hari ke 8 tidak perlu makanan tambahan dan siraman air jika kelembapan masih kekal 15-30%. Tugas pekerja hanya menjalankan pemeriksaan rutin harian.

7.4.2.6. PENGURUSAN AIR

Bekalan Air yang mengandungi klorin tidak berapa sesuai bagi menyiram kotak cacing. Justeru itu sebuah telaga batu hendaklah dibina bagi kegunaan siraman cacing dan lain-lain kegunaan. Kos membuat sebuah telaga batu ialah RM2,000.00. Siraman biasanya dilakukan sekali dalam seminggu iaitu selepas menambah makanan baru. Walau bagaimana pun faktor cuaca memainkan peranan jika panas dan kelembapan kurang maka siraman perlu siraman bagi mengawal kelembapan yang ditentukan.

7.4.2.7. PENGURUSAN PERUSAK DAN PENYAKIT

Sehingga kini tidak ada sebarang penyakit yang menyerang cacing. Musuh dan perusak cacing yang dikenalpasti ialah semut, tikus, burung, monyet dan biawak. Cara mengawal musuh cacing seperti semut ialah dengan mengikat kain yang mengandungi minyak tanah di pangkal setiap tiang kotak cacing. Tikus pula dengan memasang perangkap, manakala burung, monyet dan biawak ialah dengan pembinaan kandang cacing yang lengkap berpagar yang boleh menghalangnya musuh tersebut memasuki kandang cacing.

7.4.2.8. KUTIPAN HASIL

Bil	Tempoh	Baja Organik (kg)	Cacing (kg)	Anggaran Jualan (RM)
1.	Bln 1 (350 x 4)	1,400 kg	-	RM2,800.00
2.	Bln 2 (700 x 4)	2,800 kg	-	RM5,600.00
3.	Bln 3 (1,050x4)	4,200 kg	-	RM8,400.00
4.	Bln 4 (1,400x4)	5,600 kg	-	RM11,200.00
5.	Bln 5 (1,750x4)	7,000 kg	-	RM14,000.00
6.	Bln 6 (2,100x5)	10,500kg	500 kg	RM21,000.00 RM50,000.00
	JUMLAH	31,500kg	500 kg	RM113,000.00

7.4.2.9. PENGENDALIAN LEPAS TUAIAN

Baja organik yang ditunai setiap hari ke 8 akan terus dijemur, diayak, dibungkus mengikut berat 1kg dan 20kg, disimpan dalam setor atau terus dijual kepada pelanggan. Manakala cacing pula setelah genap 6 bulan, hanya 100kg cacing akan ditenak semula dan selebihnya akan dijual kepada penternak baru atau melalui sistem farming.

7.4.2.10. PENYIMPANAN HASIL

Baja organik yang diproses dan dibungkus akan disimpan ditempat yang kering iaitu di Setor Baja. Baja organik tiada tarikh luput dan ia boleh digunakan walaupun telah disimpan lama.

7.4.2.11. PENGANGKUTAN

Penggunaan lori sewa untuk pembelian bahan makanan cacing iaitu hampas sagu dan tahi kambing. Penjualan hasil baja organik juga menggunakan lori yang disewa jika kuantitinya banyak bagi menghantar tempahan ketempat pelanggan.

7.5. KAPASITI PENGELUARAN

Kapasiti pengeluaran produk iaitu baja organik dan cacing untuk 1 tahun operasi bagi ternakan sebanyak 100kg cacing adalah seperti berikut:-

7.5.1. Baja Organik bagi satu pusingan dalam tempoh 6 bulan dianggarkan sebanyak 31,500kg x 2 pusingan berjumlah 63,000kg setahun.

7.5.2 Cacing bagi satu pusingan dalam tempoh 6 bulan dianggarkan sebanyak 500kg x 2 pusingan berjumlah 1,000kg setahun.

7.6. KEPERLUAN BAHAN DAN STOK

Keperluan bahan makanan untuk ternakan 100kg cacing bagi satu tahun operasi berjumlah 63,000kg iaitu 70% hampas sagu (44,100kg) RM22,050.00 dan 30% tahi kambing (18,900kg) RM3,780.00. Pecahan keperluan setiap bulan adalah seperti dibawah ini:-

Bil	Tempoh	Hampas Sagu 1Kg RM0.50	Tahi Kambing 1Kg RM0.20	Jumlah Berat/ Harga
1.	Bln 1	1,960kg	840kg	2,800kg
		RM980.00	RM168.00	RM1,148.00
2.	Bln 2	2,450kg	1,050kg	3,500kg
		RM1,225.00	RM210.00	RM1,435.00
3.	Bln 3	3,430kg	1,470kg	4,900kg
		RM1,715.00	RM294.00	RM2,009.00
4.	Bln 4	4,410kg	1,890kg	6,300kg
		RM2,205.00	RM378.00	RM2,583.00
5.	Bln 5	5,390kg	2,310kg	7,700kg
		RM2,695.00	RM462.00	RM3,157.00
6.	Bln 6	4,410kg	1,890kg	6,300kg
		RM2,205.00	RM378.00	RM2,583.00
Jumlah		22,050kg	9,450kg	31,500kg
		RM11,025.00	RM1,890.00	RM12,915.00

7.7. PEKERJA DAN GANJARAN

Bil	Jawatan	Gaji	Tugasan
1.	Pekerja 1	RM 600.00	<p>Menjaga dan memastikan cacing di semua kotak dalam kandang hidup dan dalam keadaan baik setiap masa.</p> <p>Memproses makanan cacing dan mencukupi setiap masa.</p> <p>Menuai dan memproses baja mengikut jadual. Menuai cacing mengikut jadual.</p> <p>Menjaga kebersihan sekitar dan lain-lain tugas yang berhubungkait dengan perusahaan.</p>

7.8. MESIN DAN PERALATAN

Bil	Peralatan	Unit	Harga	Amaun
1.	Pengisar Basah	1	1,200.00	1,200.00
2.	Pam Air Letrik	1	500.00	500.00
3.	Alat Penimbang	1	100.00	100.00
4.	Alat Pengepit Plastik Pembungkus	1	200.00	200.00
5.	Kereta Sorong	1	200.00	200.00
6.	Skop dan Cangkul	4	50.00	200.00
7.	Kotak Tuai Cacing	10	10.00	100.00
8.	Alat Pengayak Baja	1	500.00	500.00
			Jumlah	2,900.00

7.9. OVERHEAD OPERASI

Bil	Perkara	Amaun Sebulan
1.	Minyak Tanah	RM50.00
2.	Plastik Bungkus Baja	RM50.00
3.	Penyelenggaraan Mesin	RM200.00
	Jumlah	RM300.00

7.10. JADUAL PERLAKSANAAN PROJEK

Permulaan setiap kotak akan dimasukkan dengan 1 kg induk cacing dan 7 kg makanan. Pastikan setiap kotak mempunyai kelembapan 15-30 %, Suhu 15-25 darjah Celcius dan PH 6-7.2 bagi memastikan cacing hidup dan anggaran pemakanannya ialah bagi 1 kg cacing memerlukan 1 kg makanannya dalam tempoh sehari. Pada hari ke 8 lebih kurang 3.5 kilogram tahi cacing di bahagian atas setiap kotak cacing akan dikeluarkan, dijemur, diayak dan akan menjadi baja organik. Selepas itu setiap kotak cacing akan ditambah dengan makanan baru sebanyak lebih kurang 3.5 kg. Begitulah seterusnya hari ke 8 berikutnya proses yang sama akan dilakukan, bezanya apabila mencapai tempoh 1 bulan, 2 bulan, 3 bulan, 4 bulan dan 5 bulan pengambilan baja organik dan penambahan makanan baru akan bertambah mengikut pembiakan cacing yang dianggarkan bertambah 1 kg bagi setiap bulan. Akhirnya pada genap bulan ke 6, semua baja organik dan cacing akan dikeluarkan dari setiap kotak dan cacing diasingkan. Seterusnya 100 kotak yang telah kosong tadi akan dimasukkan semula 1 kg cacing dan 7 kg makanan. Baki cacing akan dijual atau dimasukkan ke kotak yang baru jika ingin meningkatkan pengeluaran baja organik.

8.0. ASPEK PEMASARAN

8.1. PRODUK DAN PERKHIDMATAN DITAWARKAN

Produk syarikat ini adalah baja organik dan cacing. Baja organik mula dihasilkan selepas 8 hari beroperasi dan seterusnya hari ke 8 berikutnya hinggalah cukup tempoh 6 bulan. Manakala cacing pula boleh mula ditunai selepas 4 bulan beroperasi mengikut permintaan. Baja organik boleh digunakan untuk apa sahaja tanaman dan ia terbukti baik dari segi kesihatan dan memelihara kesuburan tanah. Oleh itu pelanggan baja organik adalah pelbagai iaitu seperti Jabatan-Jabatan Kerajaan, Swasta, Petani, Peladang dan Individu dengan apa juga penanaman. Manakala cacing pula permintaannya adalah kepada penternak baru dan Insyallah jika bekalan cacing di Malaysia mencukupi untuk mendirikan kilang memproses cacing sebagai bahan makanan ternakan, kosmetik dan perubatan.

8.2. SASARAN PASARAN

Sasaran pasaran untuk baja organik adalah terbahagi kepada 3 iaitu:-

- 8.2.1. Jabatan-Jabatan Kerajaan seperti Jabatan Pertanian, Dewan Bandaraya, Perbandaran, Daerah dan tempatan. Universiti, Kolej, Sekolah dan Pejabat-Pejabat Kerajaan untuk pembajaan lanskap dan pokok-pokok bunga.
- 8.2.2. Pihak swasta seperti Ladang, Kilang, Pengusaha Nuseri dan lain-lain.
- 8.2.3. Individu seperti Peladang, Petani dan orang perseorangan.

8.3. SAIS PASARAN

Selain untuk pasaran sekitar daerah operasi, pasaran adalah untuk pengguna-pengguna di Malaysia. Produk syarikat akan disenaraikan dalam Laman Internet yang berkaitan.

8.4. KEKUATAN DAN KELEMAHAN PESAING PERNIAGAAN

Pesaing adalah baja kimia dimana faktor kekuatan baja ini ia telah lama digunakan dan dikenali umum. Manakala kelemahan baja kimia ia akan merosakan struktur tanah dan mempunyai risiko kepada kesihatan dalam jangka masa lama. Baja ini diimport dari luar negara di mana Kerajaan membelanjakan sejumlah RM1 billion setahun dan harganya tersebut akan meningkat dari masa kesemasa. Perubahan Dasar Kerajaan pada tahun 2010 yang akan mengurangkan import baja tersebut akan menyokong industri baja organik di dalam Negara dan dapat menjimatkan pertukaran wang asing.

8.5. SYER PASARAN

Syer pasaran di dalam daerah operasi tiada kerana perusahaan ini masih baru di negara ini.

8.6. RAMALAN JUALAN

Bil	Tempoh	Baja Organik	Cacing	Anggaran Jualan
1.	Bulan Pertama	1,400 kg	-	RM2,800.00
2.	Bulan Ke 2	2,800 kg	-	RM5,600.00
3.	Bulan Ke 3	4,200 kg	-	RM8,400.00
4.	Bulan Ke 4	5,600 kg	-	RM11,200.00
5.	Bulan Ke 5	7,000 kg	-	RM14,000.00
6.	Bulan Ke 6	10,500 kg	500 kg	RM21,000.00 RM50,000.00
	Jumlah	31,500 kg	500 kg	RM113,000.00

8.7. STRATEGI PEMASARAN

Strategi pemasaran yang akan dilaksanakan antaranya adalah seperti berikut:-

8.7.1. Meyakinkan orang ramai dan pengguna melalui media massa, expo dan karnival pertanian mengenai kebaikan bahan organik kepada kesihatan dan memelihara alam sekitar.

8.7.2. Promosi dibuat dengan mengiklankan produk melalui laman web, menyertai expo, karnival pertanian dan lain-lain yang diadakan oleh agensi-agensi kerajaan dan swasta. Selain itu promosi dan menjual produk kepada pihak Kerajaan, Swasta dan orang perseorangan.

8.7.3. Harga baja organik yang ditawarkan adalah lebih murah dari harga baja kimia iaitu RM2 ke RM3 bagi satu kg.

8.7.4. Pasaran selain pengguna sekitar daerah operasi ia juga kepada semua pengguna di Malaysia yang boleh memperoleh maklumat produk di laman web.

8.7.5. Pelanggan meliputi semua iaitu Jabatan Kerajaan, Swasta dan Perseorangan.

8.8. BILANGAN STAF PEMASARAN

Tiada staf pemasaran dalam syarikat. Tugas pemasaran dilaksanakan oleh pengurus sendiri.

8.9 HURAIAN TUGAS

Huraian tugas dan tanggungjawab bagi 2 orang pekerja syarikat ini adalah seperti berikut:-

8.9.1. Menjaga dan memastikan cacing di semua kotak dalam kandang hidup dan dalam keadaan baik setiap masa.

8.9.2. Memproses makanan cacing dan mencukupi setiap masa.

8.9.3. Menuai dan memproses baja organik mengikut jadual.

8.9.4. Menjaga kebersihan sekitar dan lain tugas yang berhubung kait dengan perusahaan.

8.10. BELANJA PEMASARAN

Perbelanjaan yang dibuat dalam melaksanakan strategi pemasaran antaranya ialah:-

Bil	Perkara	Unit	Bayaran
1.	Papan Tanda Syarikat	2	RM200.00
2.	Pengiklanan di Laman Web	2	RM300.00
	Jumlah		RM500.00

9.0. ASPEK KEWANGAN

9.1. KOS PROJEK

9.1.1. KOS PEMBANGUNAN

Bil	Perkara	Unit	Harga	Jumlah
1.	Rumah Cacing	1 (12'x 60')	10,000.00	10,000.00
2.	Kotak Cacing	100 (4'x 2')	30.00	3,000.00
3.	Ruang Pejabat	1 (12'x 20')	5,000.00	5,000.00
4.	Setor Baja	1 (12'x 20')	4,000.00	4,000.00
5.	Setor Makanan	1 (12'x20')	3,000.00	3,000.00
6.	Telaga Batu	1 buah	2,000.00	2,000.00
7.	Sewa Tanah	1 Tahun	600.00	600.00
	Jumlah			RM27,600.00

9.1.2. KOS OPERASI

Bil	Perkara	Unit	Harga 1 Kg	Jumlah
1.	Benih Cacing	100 kg	450.00	45,000.00
2.	Hampas Sagu	44,100kg	0.50	22,050.00
3.	Tahi Kambing	18,900kg	0.20	3,780.00
4.	Plastik alas kotak cacing	100 keping	0.50	50.00
	Jumlah			RM70,880.00

9.1.3. LAIN-LAIN BELANJA

Bil	Perkara	Amaun
1.	Promosi	1,500.00
2.	Pendaftaran Lesen	500.00
.	Jumlah	2,000.00

9.1.4. PERBELANJAAN LUAR JANGKA

Perbelanjaan luar jangka yang diperlukan sebanyak RM3,000 bagi kegunaan tempoh setahun.

9.2. SUMBER PEMBIAYAAN PROJEK

Modal yang diperlukan bagi melaksanakan projek ini ialah berjumlah RM87,000. Modal sendiri sebanyak RM37,000 dan pembiayaan sebanyak RM50,000.

9.3. JADUAL-JADUAL

9.3.1. JADUAL BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN

Pinjaman berjumlah RM50,000 dengan kadar keuntungan 4% setahun dan tempoh bayaran balik selama 5 tahun. Bayaran balik ansuran pinjaman termasuk faedah adalah seperti berikut:-

9.3.1.1. Pinjaman - RM50,000.00

9.3.1.2. Faedah RM50,000 x 4% x 5 Tahun -RM10,000.00

9.3.1.3. Ansuran Pinjaman bulanan - RM 830.00

9.3.1.4. Ansuran Faedah bulanan - RM 170.00

9.3.2. JADUAL SEWA BELI

Tiada berkenaan.

9.3.3. JADUAL SUSUTNILAI ASET TETAP

Kadar susutnilai sebanyak 20% iaitu berjumlah RM6,220.00 setahun keatas semua aset tetap syarikat iaitu:-

ASET TETAP	KOS ASAL	SUSUT NILAI
Rumah cacing	10,000	2,000
Ruang pejabat	5,000	1,000
Setor Baja	4,000	800
Setor Makanan	3,000	600
Kotak cacing	3,000	600
Mesin/Peralatan	2,900	580
Peralatan pejabat	1,200	240
Telaga batu	2,000	400
Jumlah	RM31,100	RM6,220

9.3.4. CAGARAN DAN JAMINAN

Tidak berkenaan.

9.4. PENYATA PROFORMA (AKAUN) PERNIAGAAN

9.4.1. PENYATA ANGGARAN ALIRAN WANG TUNAI

Penyata anggaran aliran wang tunai syarikat untuk tempoh 3 tahun operasi disertakan seperti di Lampiran kepada Rancangan Perniagaan ini.

9.4.2. PENYATA UNTUNG RUGI

Penyata untung rugi syarikat untuk tempoh 3 tahun operasi disertakan seperti di Lampiran kepada Rancangan Perniagaan ini.

9.4.3. PENYATA KUNCI KIRA-KIRA

Penyata kunci kira-kira syarikat untuk tempoh 3 tahun operasi disertakan seperti di Lampiran kepada Rancangan Perniagaan ini.

10.0. RUMUSAN DAN KESIMPULAN

Berpandukan kepada perancangan dan unjuran pendapatan yang telah dibentangkan, pengusaha mendapati perusahaan menternak cacing dan baja organik ini mempunyai potensi untuk berjaya. Ini memandangkan masyarakat Islam masa kini lebih prihatin terhadap tahap halal dan kebersihan. Manakala pada umumnya semua masyarakat masa kini lebih prihatin terhadap tahap kebersihan produk yang bebas dari bahan kimia yang boleh memberi kesan negatif kepada kesihatan manusia.

Produk Baja Organik adalah hasil dari pencernaan cacing, melalui proses budidaya cacing yang memakan makanannya dari unsur bahan organik yang kaya dengan unsur bahan organan. Dalam proses menghasilkan baja organik, cacing berfungsi sebagai mesin yang mengolah, menguraikan dan memakan makanan yang diberikan kepada cacing ditukar menjadi baja organik. Baja organik ini akan meningkatkan potensi dan keupayaan tanah dalam membantu pertumbuhan tanaman yang lebih baik dan hasil tuaian yang bertambah.

Cacing mempunyai protein yang tinggi, oleh itu cacing pula boleh digunakan sebagai tambahan bahan makanan ternakan dan juga dalam bidang perubatan dan kosmetik.

Sehubungan dengan itu perusahaan ini mempunyai potensi berdaya maju dan berdaya tahan kerana hasil produknya mempunyai hubungkait dan keperluan asas dengan kehidupan manusia iaitu makanan dan kesihatan.

Diharapkan permohonan pembiayaan ini mendapat pertimbangan sewajarnya daripada pihak institusi kewangan, kerana melalui cara ini saja perniagaan dapat dikembangkan. Pengusaha amat berharap dapat diberikan peluang untuk turut sama-sama menjadi sebahagian daripada *Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB)* yang berjaya di negara.

11.0. LAMPIRAN-LAMPIRAN